

**NO. SOALAN : 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai tuntutan hak kedaulatan ke atas semua pulau-pulau kecil di perairan Sabah yang masih belum selesai, bagi menjamin kedaulatan Malaysia dan hasil sumber terutamanya hasil minyak dan gas.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri berpendirian bahawa semua pulau yang tertera di dalam Peta Baru 1979, termasuk perairan Sabah, adalah berada di bawah kedaulatan Malaysia dan Kerajaan berpendirian tegas tidak mengiktiraf mana-mana tuntutan asing ke atas pulau-pulau tersebut.

Sekian, terima kasih.